# BAB 4 : KEKAYAAN EKONOMI SARAWAK

1 Gambar rajah berikut menggambarkan suasana yang dapat dilihat semasa pentadbiran Brooke di Sarawak.



Apakah rumusan yang dapat dibuat daripada gambar rajah tersebut?

A Pembukaan tanah baru
B Pengangkutan darat
C Peningkatan taraf hidup
D Pengeksploitasian kekayaan

2 Berdasarkan maklumat berikut,mengapakah berlaku perubahan kepimpinan dalam pentadbiran Kesultanan Brunei di Sarawak?

| Tarikh | Pentadbir Wilayah Sarawak |
|---|---|
| Kurun ke-18 | Pembesar tempatan dilantik oleh Sultan Brunei untuk mentadbir Sarawak |
| Kurun ke-19 | Pembesar Brunei mentadbir Sarawak |

I Memajukan negeri
II Menguasai kekayaan
III Mengukuhkan kekuasaan
IV Menjamin kemerdekaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3 Pernyataan berikut menerangkan dasar pentadbiran Kesultanan Brunei terhadap Sarawak.

| Sebelum | | Selepas |
|---|---|---|
| Pembesar tempatan dilantik oleh Sultan Brunei untuk mentadbir Sarawak | **Abad ke 19** | Melantik Pembesar Brunei sebagai wakil Kesultanan Brunei mentadbir Sarawak |

Mengapakah berlakunya perubahan tersebut ?

A Menguasai kekayaan Sarawak
B Menghalang kemerdekaan Sarawak
C Menghadkan kemasukan orang Cina
D Menjadikan Sarawak sebagai zon penampan

4 Sultan Brunei telah menghantar Pangeran Raja Muda Hashim ke Sarawak.

Apakah tujuannya ?

A Menguasai ekonomi Sarawak
B Menamatkan pemberontakan di Sarawak
C Meningkatkan ekonomi bumiputera orang Sarawak
D Membantu James Brooke menentang pemberontak

5 Rajah berikut menunjukkan pemberontakan yang muncul di Sarawak pada kurun ke-19.

- Orang Bidayuh
- Orang Melayu

→ Melakukan penentangan terhadap Pangeran Indera Mahkota di Sarawak

Apakah faktor utama penentangan tersebut ?

I tanah dirampas
II tidak diberi upah
III cukai yang tinggi
IV dipaksa menjadi hamba

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6 Dialog berikut mungkin berlaku di Sarawak pada tahun 1830-an.

| | |
|---|---|
| Pangeran Indera Mahkota | : Saya akan menaikkan cukai terhadap hasil penduduk. |
| Pembantu Pangeran | : Bagus juga cadangan Pangeran. Ini dapat menambahkan pendapatan. |

Apakah kesan tindakan tersebut ?

A Kemajuan infrastruktur terjejas
B Pelaburan asing berkurangan
C Kebangkitan rakyat berlaku
D Perpindahan penduduk ke pedalaman

7 Tokoh berikut merupakan seorang pemimpin tempatan di Sarawak.



Datu Patinggi Ali

Apakah peranan beliau ?

A Menjadi penasihat Sultan Mu'mein
B Mengusahakan perlombongan emas
C Menentang pemerintahan James Brooke
D Menentang kezaliman Pangeran Indera Mohkota

8 Apakah langkah yang diambil oleh Pangeran Raja Muda Hashim apabila tidak dapat menamatkan kebangkitan penduduk tempatan ?

A Meminta bantuan Orang Dayak
B Meminta bantuan James Brooke
C Menghantar pulang Pangeran Indera Mahkota
D Melakukan perundingan dengan pemimpin tempatan

9 Pemberontakan penduduk Sarawak terhadap Pangeran Indera Mahkota telah mengubah sejarah Negeri Sarawak kerana

A Dijajah oleh Dinasti Brooke
B Dikuasai oleh Kesultanan Brunei
C Berunai meluaskan tanah jajahan
D Di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu

10

> Pada tahun 1842, James Brooke telah meghadap Sultan Omar Ali Saifudin

Mengapakah James Brooke menghadap Sultan Brunei?

A Menuntut naungan Sultan
B Menguasai seluruh Sarawak
C Mengesahkan kedudukannya
D Memaksa sultan menerima Penasihat

11 Garis masa berikut menunjukkan peringkat pengukuhan kuasa James Brooke di Sarawak.

| | |
|---|---|
| 1846 | Sultan Omar Ali Saifuddin mengiktiraf James Brooke sebagai Raja Sarawak yang merdeka |
| 1842 | Sultan Omar Ali Saifiddin mengiktiraf perjanjian antara Pangeran Raja Muda Hashim dengan James Brooke |
| 1841 | Pangeran Raja Muda Hashim melantik James Brooke sebagai Gabenor dan Raja Sarawak. |
| 1840 | Pengeran Raja Muda Hashim meminta bantuan James Brooke untuk menamatkan pemberontakan |

Apakah faktor kejayaan James Brooke mengukuhkan kuasa di Sarawak ?

A Kekayaan kewangan
B Kekuatan ketenteraan
C Kemahiran berdagang
D Kehebatan berdiplomasi

12 Garis masa berikut menunjukkan penguasaan James Brooke di Sarawak.

| | |
|---|---|
| 1846 | Diiktirafkan sebagai Raja Sarawak yang merdeka |
| 1841 | Menjadi Gabenor Sarawak |
| 1840 | Menamatkan penentangan di Sarawak |

Apakah kesan daripada penguasaan tersebut?

A Penghapusan cukai
B Penubuhan Majlis Undangan
C Pemansuhan kuasa pembesar
D Penamatan pemerintahan Brunei

13 Kawasan berlorek dalam peta di bawah menunjukkan perluasan kuasa James Brooke dan Charles Brooke di Sarawak dari tahun 1835 sehingga tahun 1905?



Bagaimanakah perluasan kuasa tersebut dapat dilakukan?

A Bantuan tentera British
B Sokongan pedagang asing
C Permintaan rakyat tempatan
D Kerjasama pembesar Melayu

14 Pembesar berikut terlibat dalam pentadbiran James Brooke.

- Datu Patinggi
- Datu Bandar
- Datu Temenggung

Mengapakah James Brooke melibatkan pemimpin tempatan dalam pentadbirannya?

A Memajukan ekonomi
B Melicinkan pentadbiran
C Mengurangkan krisis kewangan
D Mendapatkan sokongan orang tempatan

15 Apakah peranan Majlis Negeri dalam struktur pentadbiran negeri Sarawak?

A Menasihati Residen
B Meluluskan undang-undang
C Pemimpin bumiputera dapat
D Membuat semua dasar berkaitan Sarawak

16 Maklumat berikut menunjukkan penglibatan pemimpin tempatan dalam pentadbiran Brooke.

| Majlis Tertinggi | Majlis Negeri | Majlis Bahagian |
|---|---|---|
| Residen Bahagian Pertama<br>Empat orang Datu Melayu | Ketua kaum bumiputera | Residen<br>Penolong Residen<br>Penolong Pegawai Daerah<br>Pegawai Anak Negeri<br>Ketua Kampung |

Apakah tujuan penglibatan mereka ?

A Memajukan ekonomi
B Meningkatkan pelajaran
C Terlibat dalam pentadbiran
D Mewjudkan pasukan ketenteraan

17 Senarai berikut merupakan bidang tugas organisasi pentadbiran di Sarawak bagi

- Mengutip cukai
- Menasihati Residen
- Menjaga keamanan

A Majlis Negeri
B Majlis Tertinggi
C Majlis Bahagian
D Majlis Datu-Datu

18 Senarai berikut adalah penglibatan pemimpin tempatan dalam pentadbiran Brooke.

- Ketua Kampung
- Pegawai Anak Negeri
- Penolong Pegawai Daerah

Jawatan tersebut adalah anggota dalam ?

A Majlis Negeri
B Majlis Tertinggi
C Majlis Bahagian
D Majlis Cawangan

19 Maklumat berikut merupakan bidang tugas organisasi pentadbiran di Sarawak bagi

- Menasihati James Brooke
- Meluluskan undang-undang dan peraturan
- Membuat semua dasar

A Majlis Negeri
B Majlis Tertinggi
C Majlis Bahagian
D Majlis Cawangan

20 Maklumat berikut menunjukkan penglibatan pemimpin tempatan dalam pentadbiran Brooke.

| Keanggotaan Majlis Bahagian |
|---|
| Residen<br>Penolong Residen<br>Penolong Pegawai Daerah<br>Pegawai Anak Negeri<br>Ketua Kampung |
| |

Di antara berikut yang manakah berkaitan dengan Majlis Bahagian?

I Mengutip cukai
II Menjaga keamanan
III Menasihati James Brooke
IV Mengutip cukai Meluluskan undang-undang

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

21 Jabatan-jabatan berikut telah ditubuhkan oleh James Brooke untuk

- Jabatan Polis
- Jabatan Kehakiman
- Jabatan Kastam dan Cukai

A Melatih pemimpin tempatan
B Mendapat sokongan penduduk
C Melicinkankan pentadbiran negeri
D Memudahkan perlantikan pegawai

22 Rajah berikut menunjukkan perubahan bidang kuasa Majlis Negeri di Sarawak.

| 1867 | | 1941 |
|---|---|---|
| • Bertukar-tukar fikiran<br>• Menyuarakan pandangan | → | • Meluluskan undang-undang<br>• Mengurus kewangan |

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

A Pengisytiharan perlembagaan
B Perkembangan sistem pendidikan
C Penentangan pemimpin tempatan
D Penyeragaman sistem pentadbiran

23 Charles Vyner Brooke telah mengisytiharkan Perlembagaan Sarawak sempena 100 tahun pentadbiran keluarga Brooke.

Apakah kesan Perlembagaan 1941 kepada Sarawak ?

A Kemerdekaan negeri
B Pemerintahan rakyat
C Pengukuhan kuasa Brooke
D Penguasaan pembesar tempatan

24 Pada 24 September 1941, Charles Vyner Brooke telah mengisytiharkan perlembagaan Sarawak.

Mengapakah perlembagaan Sarawak tidak sempat dilaksanakan ?

A Perang Dunia Kedua meletus
B Perlembagaan ditulis semula
C Peralihan kuasa pemeritahan
D Pelaksanaan perlembagaan dihalang

25 Pemerintahan keluarga Brooke tidak menggalakkan kemasukan pelabur luar secara besar-besaran ke Sarawak.

Mengapa keluarga Brooke bertindak sedemikian ?

A Mengamal dasar tutup pintu
B Mengelakkan pemberontakan
C Mengurangkan kenaikan cukai
D Menjaga kepentingan ekonomi mereka

26 Senarai di bawah merupakan sumber utama ekonomi Sarawak.

- Galian
- Hasil hutan
- Pertanian moden
- Pertanian tradisioal

Apakah tanaman tradisional yang diusahakan secara komersial di Sarawak ?

I Getah
II Gambir
III Kelapa
IV Tembakau

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

27 Bandar Miri telah berkembang pesat selepas tahun 1910.

Apakah fungsi bandar tersebut?

A Penanaman lada hitam
B Perlombongan antimoni
C Perlombongan petroleum * 91
D Perkembagan sistem pengangkutan

28 Jadual berikut menerangkan dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan semasa pentadbiran keluarga Brooke di Sarawak.

| Kaum | Bidang pekerjaan |
|---|---|
| Melayu | Pentadbiran |
| Iban | Ketenteraan |
| Cina | Perdagangan |

Apakah kesan pelaksanaan dasar tersebut ?

A Meningkatkan taraf hidup
B Menjamin perpaduan rakyat
C Mengukuhkan kedudukan pemerintah
D Mempelbagaikan kemahiran penduduk

29 Graf berikut menunjukkan bilangan sekolah di Sarawak pada tahun 1930.




Bilangan sekolah di Sarawak pada tahun 1930

Mengapakah bilangan sekolah Dayak kurang berbanding sekolah lain?

A Kekurangan modal
B Kaum Dayak dianggap minoriti
C Kekalkan cara hidup tradisional
D Kurang mendapat sambutan penduduk

30 Apakah tujuan keluarga Brooke menubuhkan Jabatan Pelajaran di Sarawak pada tahun 1924?

A Menyediakan prasarana pendidikan
B Mengawal perkembangan pendidikan
C Menghalang kemasukan bahan pendidikan luar
D Menggalakkan pendidikan dalam kalangan rakyat

| BIL | JAWAPAN | MUKA SURAT | BIL | JAWAPAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | D | 75 | 16 | C | 84 |
| 2 | C | 76 | 17 | C | 84 |
| 3 | A | 77 | 18 | C | 84 |
| 4 | B | 77 | 19 | C | 84 |
| 5 | C | 77 | 20 | A | 84 |
| 6 | C | 77 | 21 | C | 85 |
| 7 | D | 77 | 22 | A | 86 |
| 8 | B | 78 | 23 | B | 86 |
| 9 | A | 79 | 24 | A | 86 |
| 10 | C | 79 | 25 | D | 87 |
| 11 | B | 80 | 26 | C | 87 |
| 12 | D | 80 | 27 | C | 91 |
| 13 | A | 81 | 28 | C | 92 |
| 14 | D | 83 | 29 | C | 95 |
| 15 | C | 84 | 30 | B | 95 |